

Bagaimanakah Generasi Salahuddin Membebaskan Palestin?

Apakah keutamaan Palestin sehingga pemimpin Muslim seunggul Umar al-Khattab r.a. (582 - 644 Masihi) dan Salahuddin al-Ayyubi (1137 - 1193 Masihi) sanggup bergadai nyawa dan harta demi membebaskannya?

Sumber sejarah Islam seperti Imam al-Tabari dan Ibn Kathir mencatatkan bahawa sebilangan besar daripada rasul dan nabi terdahulu hidup dan wafat di Palestin. Nabi Ibrahim a.s. yang menjunjung perintah Allah SWT bersama-sama puteranya, Nabi Ismail a.s. supaya mendirikan Kaabah di Makkah juga pada penghujung hayatnya kembali menetap bersama-sama isteri pertamanya, Sarah di kota Hebron.

Di tengah-tengah Palestin terletaknya Masjidilqasa yang pada asalnya merupakan tanah lapang yang diberkati oleh Allah SWT (*Surah al-Isra' 17:1*). Di situ juga menjadi saksi berhimpunnya para anbia dan rasul, daripada Adam hingga Isa, bersolat dan bersujud dengan diimami oleh Nabi Muhammad SAW, justeru menjadi tanda peristiwa penuh rahmat dan keajaiban yang dikenali sebagai Israk dan Mikraj. Dalam peristiwa tersebut, Rasulullah SAW diangkat ke langit untuk bertemu Allah SWT dan menerima perintah solat fardu lima waktu.

Selain pernah menjadi kiblat pertama umat Islam sebelum Allah SWT mengubahnya ke Baitullah di Makkah, al-Aqsa turut memiliki kelebihan selepas Masjidilharam dan Masjid Nabawi. Abu Darda' r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Solat di Makkah diberikan ganjaran 100 000 kali ganda, solat di masjidku (Madinah) diberikan ganjaran 1000 kali ganda, dan solat



di al-Aqsa diberikan ganjaran 500 kali ganda.” (Hadis riwayat al-Tabarani, al-Baihaqi dan al-Suyuti).

Umar al-Khattab r.a. menjunjung sabda Rasulullah SAW, iaitu ketika peristiwa Khandaq bahawa Allah SWT akan membuka negeri Syam (yang merangkumi Syria, Lubnan, dan Palestin) untuk Baginda, apabila beliau memerangi Byzantine dan membebaskan Baitulmuqaddis buat kali pertamanya pada tahun 636.

Pada tahun 1099, tentera Salib Eropah menceroboh wilayah orang Islam, iaitu Syria, Lubnan dan Palestin. Setelah mereka menakluki sebahagian besar daripada Syria, tentera Salib kemudian mengepung kota Baitulmuqaddis di Palestin. Setelah 463 tahun di bawah penguasaan orang Islam, kota suci itu pada akhirnya ditawan. Beribu-ribu penduduknya, iaitu Muslim dan Yahudi dibunuh dan selebihnya dihalau keluar.

Umat Islam mengambil masa lebih 88 tahun untuk pulih daripada serangan tersebut. Pada tahun 1169, seorang panglima tentera Islam bernama Yusuf bin Ayyub muncul dalam kalangan tentera Sultan Nuruddin Zangi; dan pada tahun 1183, beliau berjaya menyatukan Mesir dan Syria di bawah pemerintahannya. Empat tahun kemudiannya, beliau yang memakai gelaran Salahuddin al-Ayyubi mengepalai bala tentera sebanyak 40 000 orang melancarkan kempen ketenteraan besar-besaran untuk membebaskan negeri orang Islam, sekali gus membebaskan al-Aqsa daripada cengkaman tentera Salib daripada Eropah.

Menurut Majid Irsan Kaylani yang menulis buku *Hakaza Zahara Jil Salah al-Din wa Hakaza Adat al-Quds* (Munculnya Generasi Salahuddin dan Kembalinya al-Quds), kekalahan orang Islam di tangan tentera Salib pada penghujung abad ke-11 berpunca daripada tiga perkara saling berkaitan yang menghilangkan keutamaan perkara agama, iaitu:

1 Taasub dan saling mempertikai antara mazhab. Hal ini berpunca daripada pengikut yang sombong dan bangga diri, lalu menatijahkan rosaknya tujuan pendidikan dan berleluasanya perbalahan dan perpecahan.

2 Perpecahan yang terjadi menyebabkan keruntuhan moral dalam masyarakat. Selain pertembungan Sunni – Syiah yang tidak berkesudahan dan terkeluarnya sebahagian kelompok sufi daripada landasan syariat,

kerosakan sosiopolitik terzahir dalam kepimpinan kaum Muslimin dengan kemunculan pemimpin Turki Saljuk yang saling berperang bagi meluaskan pengaruh, mengukuhkan kuasa dan mengumpulkan kekayaan.

3 Zaman yang kononnya disebut sebagai Zaman Keemasan Islam, iaitu 200 tahun sebelum itu telah membuka peluang penterjemahan banyak karya Yunani dalam bahasa Arab lalu masuk ke perbahasan ilmu dunia Islam melalui para sarjana pemikir seperti al-Kindi, al-Farabi dan Ibn Sina. Namun begitu, percubaan menyesuaikan fahaman falsafah asing dengan agama melalui pengambilan istilah kunci pandangan Islam seperti din (agama) dan Madinah (kota di mana agama dilaksanakan) melahirkan ilmuwan dan golongan terpelajar yang dipengaruhi oleh falsafah Yunani.

Terdapat ahli falsafah yang menjadi penasihat sultan dan pemimpin orang Islam. Misalnya, al-Farabi pernah berkhidmat untuk Saif al-Daulah, iaitu pemerintah Syria Utara, manakala Ibn Sina pernah berkhidmat untuk Nuh II, iaitu pemerintah kerajaan Samaniyah, kemudian Abu al-Hasan Ali, iaitu pemerintah kerajaan Ma'munyah di Khawarazm. Maka itu, bukanlah di luar jangkauan akal bahawa pengaruh ahli falsafah sedikit banyak boleh mengubah pandangan alam, justeru paradigma politik pemimpin orang Islam.

Bagaimanakah munculnya generasi orang Islam seperti Salahuddin al-Ayyubi? Majid Irsan Kaylani dan Abdul Rahman 'Azzam yang menulis buku *Salah al-Din wa l'adah Ihya' al-Mazhab al-Sunni* (Salahuddin dan Berjayanya Kebangkitan Mazhab Sunni), dan Ali M. Sallabi yang menulis biografi *Salah al-Din al-Ayubi* bersetuju bahawa mereka lahir daripada rahim kebangkitan semula Ahli Sunah Waljamaah, bermula seawal Abu Hasan al-Asy'ari yang membatalkan hujah golongan Muktazilah, seterusnya Imam al-Haramain al-Juwaini yang menjelaskan dalam karyanya, *al-Ghiyath al-Umam* (Penyelamat Manusia) tentang kedudukan ulama sebagai pembimbing umat Islam ketika rosaknya kepimpinan dan institusi politik.

Peranan anak murid al-Juwaini, iaitu Imam Abu Hamid al-Ghazali lebih ketara dalam proses kebangkitan semula Sunni. Bermula dengan kemasyhuran al-Ghazali dalam bidang fiqah, beliau kemudiannya berdepan dengan golongan filsuf dan membuktikan kepalsuan dakwaan bahawa mereka

boleh sampai kepada kebenaran. Dalam karyanya, *Tahafut al-Falasifah* (Kecelaruan Golongan Filsuf), beliau mengenal pasti dan memperincikan kecelaruan 20 fahaman golongan itu yang tiga daripadanya bertentangan dengan akidah Islam dan membawa kepada kekufuran, manakala selebihnya sesat.

Tiga fahaman utama golongan filsuf yang dikenal pasti oleh Imam al-Ghazali ialah fahaman kekalnya alam semesta, fahaman bahawa Tuhan hanya mengetahui perkara *kulli* (universal), namun tidak mengetahui perkara yang khusus, dan fahaman bahawa tiada kebangkitan semula pada hari akhirat, sebaliknya hanya *entelecheia*, iaitu jiwa yang dihidupkan semula menurut falsafah Yunani.

Fahaman sedemikian merupakan bibit-bibit sekularisme atau menyempitkan kehidupan kepada keduniaan semata-mata yang meruntuhkan asas metafizik dalam pegangan agama. Tanpa asas tersebut, hukum-hakam dan akhlak tidak dapat berdiri justeru boleh sentiasa diubah melalui dugaan falsafi.

Menurut pandangan alam golongan filsuf, pekerjaan Tuhan hanyalah merenung zat-Nya. Dia tidak mengetahui setiap makhluk ciptaan-Nya dan tidak berkuasa mewujudkan sistem nilai, budi dan akhlak

yang membimbing ke arah kehidupan yang baik, teratur dan berdasarkan penyerahan diri dan ketaatan kepada Sang Pencipta. Oleh itu, tiada pembalasan bagi sebarang amalan sama ada baik ataupun buruk. Moral ialah dugaan falsafi semata-mata, manakala tujuan hidup ditentukan oleh tuntutan badan yang mengutamakan nafsu syahwat dan mengumpulkan benda.

Pada kemuncak kerjayanya, Imam al-Ghazali menumpukan pembaikan (islah) umat; *Tahafut* merupakan senjata ampuh yang meleburkan fahaman golongan filsuf, namun beliau membina semula kerangka pandangan alam Islam dalam karya agungnya yang lain seperti *Bidayat al-Hidayah*, *Ma'arif al-Quds* dan *Ihya' 'Ulum al-Din*. Karya itu ditulis daripada pengalaman tasawuf yang sebenar dan bertujuan untuk meluaskan semula makna fiqh yang telah disempitkan daripada hukum-hakam semata-mata kepada maknanya yang asal menurut kefahaman sebenar yang merangkumi Islam, iman dan ihsan.

Oleh itu, Imam al-Ghazali menjawab permasalahan yang ditimbulkan oleh falsafah, iaitu Allah Maha Mengetahui setiap perkara yang dilakukan oleh



makhlik-Nya. Para nabi dan rasul diutus dengan risalah agama untuk membimbing para hamba-Nya; alam bersifat sementara dan kehidupan dunia adalah ujian; dan roh manusia kekal hidup setelah matinya jasad yang menunggu untuk dibangkitkan semula pada hari akhirat.

Selain mengusahakan pembaikan umat, Imam al-Ghazali turut merangka strategi pembebasan, iaitu:

- 1 Pengesahan kepimpinan Khalifah al-Mustazhir dan penekanan hubungan kembar agama dan kuasa politik (sultan), iaitu asas dan penjaga yang saling memerlukan.
- 2 Pengesahan kekuatan tentera dan kebolehan memimpin tentera milik bangsa Saljuk dan pembaharuan tujuan tentera, iaitu mempertahankan Islam daripada serangan dan penjajahan orang kafir selain menghalang daripada berlaku fitnah dan huru-hara.
- 3 Pengutusan kepada para wazir dan panglima Saljuk tentang peri pentingnya mengekang keinginan berperang sesama mereka.

Daripada projek *Ihya'* oleh Imam al-Ghazali, maka lahirlah watak penting seperti Sultan Nuruddin Zangi yang diiktiraf semangat jihad dan kesolehannya hatta oleh pemimpin tentera Salib; Usamah bin Munqidh, seorang panglima tentera Islam yang mengakui keputusan pertempuran adalah milik Allah setelah semua persiapan dibuat; dan Muzaffar Gokburi dan Salahuddin sendiri yang menaungi ulama dan menganjurkan majlis ilmu, zikir dan selawat.

Strategi pembebasan juga menyedari peranan besar Mesir apabila Nuruddin Zangi mengarahkan panglimanya, Shirkuh dan anak buahnya, Yusuf membantu kerajaan Fatimiyah Mesir pada ambang serangan tentera Salib pada tahun 1164. Setelah Shirkuh meninggal dunia pada tahun 1169, Yusuf menjadi panglima ketumbukan Syria dan dilantik sebagai wazir. Beliau memanfaatkan sepenuhnya kedudukan bagi menguatkan Sunni, mengambil alih tampuk kerajaan apabila Khalifah al-Adid mangkat dan mengembalikan pengaruh Abbasiyah di Mesir.

Salahuddin menumpukan masa selama lima hingga enam tahun, seterusnya membina kekuatan orang Islam dan melaksanakan siri reformasi ketenteraan. Antaranya termasuklah mengarahkan penyediaan tiga karya tentang tadbir urus negara dan seni berperang, iaitu *Nahj al-Masluq fi Siyasat al-Muluk* oleh Abdul



Rahman al-Shaizari (m. 1194) yang bertumpu pada pentadbiran kerajaan dan tadbir urus negara; *Tabssirat Arab al-Albab* oleh Murda bin Ali al-Tarsusi (m. 1193) yang bertumpu pada amalan medan perang, logistik dan persenjataan; dan *al-Tazkirah al-Harawiyah fi al-Hiyal al-Harbiyyah* oleh Syeikh Ali bin Abi Bakr al-Harawi (m. 1215) yang unik kerana menggandingkan seni tadbir urus negara dan pentadbiran dengan strategi dan taktik berperang, bahkan terkenal khusus dengan helah untuk menang dengan kejutan, serang hendap dan tipu daya di medan peperangan.

Dengan menelusuri suasana politik dan iklim keilmuan pada abad ke-11 dan ke-12, iaitu sekitar pembebasan al-Aqsa, dapatlah dilihat perkaitannya dengan kebangkitan semula pemikiran dan tradisi keilmuan Sunni yang menghentikan penyakit taasub, pertelingkahan mazhab dan perpecahan sosiopolitik, justeru boleh diambil pengajarannya pada masa ini.

Selain cabaran penyakit taasub dan perpecahan, kini umat Islam menghadapi cabaran sekularisme yang pada hakikatnya jelmaan semula falsafah Yunani, iaitu yang disebut oleh Tan Sri Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam karyanya, *Islam and Secularism* sebagai rencana falsafah dalam rupa bentuk baharu fahaman kebendaan (materialisme), humanisme dan fahaman lain yang menyempitkan kehidupan kepada dunia semata-mata. Kesenambungan daripada kebangkitan semula Sunni seperti projek *Ihya'* boleh mengembalikan fiqah sebagai kefahaman agama yang menyeluruh dan dengannya, umat Islam kembali memahami perjuangan tokoh Islam terdahulu sebagaimana yang terakam dalam sejarah. 01